

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA PELANCARAN KARNIVAL JUALAN MEGA MALAYSIA
DI JALAN TUANKU ABDUL RAHMAN, KUALA LUMPUR
4 OGOS 2001

Terlebih dahulu saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan serta semua pihak yang terlibat dalam menganjurkan Karnival Jualan Mega Malaysia buat kali kedua bagi tahun 2001 yang berlangsung dari 4 Ogos hingga 20 September 2001.

Saya yakin bahawa penganjuran Karnival Jualan Mega Malaysia ini secara langsung akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara di samping menjadikan Malaysia sebagai sebuah destinasi beli-belah bertaraf antarabangsa yang terunggul di rantau ini.

Prestasi industri pelancongan negara kini adalah amat memberangsangkan. Ini adalah atas hasil usaha galakan yang berterusan dan bersungguh-sungguh daripada pihak kerajaan serta kerjasama yang erat dengan pihak swasta. Ini terbukti apabila sepanjang enam bulan pertama tahun 2001, ketibaan pelancong telah mencecah angka 7.2 juta orang, iaitu melepasi angka satu juta orang setiap bulan. Ketibaan ini meningkat sebanyak 44.1% berbanding 5.0 juta orang bagi tempoh yang sama tahun 2000.

Pada bulan Mac 2001, rekod ketibaan adalah seramai 1.4 juta orang, merupakan catatan ketibaan tertinggi bagi tempoh enam bulan pertama tahun 2001. Penganjuran Karnival Jualan Mega bulan Mac 2001 adalah antara faktor utama bagi catatan tertinggi ini.

Aktiviti membeli belah merupakan penyumbang kedua tertinggi selepas penginapan. Jumlah perbelanjaan pelancong asing semasa karnival jualan meningkat RM 4 billion pada tahun 2000 berbanding RM 2.7 billion pada 1999. Meningkat 47 peratus.

Untuk tujuan menarik lebih ramai lagi pelancong, peruntukan tambahan sebanyak RM 100 juta telah diluluskan dan tumpuan kali ini di negara ASEAN, Asia Barat dan Asia Timur dan India.

Kejatuhan nilai Ringgit berbanding matawang asing utama dunia, sedikit sebanyak telah memberikan kelebihan kepada Malaysia dalam usaha untuk menarik warganegara asing mengunjungi Malaysia dan menikmati pelbagai tawaran barangan yang bernilai atau value for money. Oleh itu, pertukaran matawang Malaysia atas kadar RM3.8:USD1 wajar dikekalkan bagi merangsangkan ekonomi negara terutamanya sektor pelancongan.

Penganjuran Karnival Jualan Mega Malaysia yang ditetapkan oleh kerajaan sebanyak 3 kali setahun iaitu dalam bulan Mac, Ogos dan Disember akan dapat merealisasikan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebuah destinasi beli belah yang menarik. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada pihak yang berkenaan agar terus berganding bahu dan bekerjasama secara a total national effort bagi menjayakan Karnival Jualan Mega Malaysia ini. Saya percaya hanya dengan usaha kolektif antara pihak kerajaan dan pihak swasta akan membawa keuntungan kepada negara.

Dalam usaha memasarkan Malaysia sebagai destinasi beli- belah, aspek kualiti, kepelbagaian dan harga barangan yang berdaya saing perlu diberikan perhatian yang serius. Begitu juga dengan aspek-aspek penampilan peragaan tingkap atau window display dan pembungkusan barangan atau product packaging. Justeru itu semua pihak yang terlibat dalam industri ini hendaklah sentiasa berusaha meningkatkan kemampuan dan daya saing masing-masing.

Citarasa pengguna yang sentiasa berubah dan kemunculan permintaan yang berbeza membuka peluang-peluang baru yang boleh dimanfaatkan. Penekanan terhadap faktor kepuasan pengguna atau customer satisfaction perlu ditingkatkan bagi menggalak dan mempertingkatkan aktiviti beli belah khususnya di kalangan para pelancong.

Dalam usaha untuk menarik lebih ramai lagi pelancong supaya tinggal lebih lama, meningkatkan perbelanjaan dan melakukan lawatan ulangan, usaha-usaha seperti ini perlu dipergiatkan lagi bagi menampilkan Malaysia bukan sahaja sebagai destinasi beli-belah utama malah sebagai destinasi mesra pelancongan yang dipenuhi pelbagai acara dengan suasana karnival sepanjang tahun.

Ambillah peluang yang tersedia untuk membeli-belah dan nikmatilah kelebihan yang ditawarkan sepanjang karnival ini yang menawarkan potongan-potongan harga barangan yang menarik. Justeru itu, janganlah lepaskan peluang keemasan ini untuk keluar membeli-belah.

To all our foreign guests who are here tonight to witness the launching of the August Malaysia Mega Sale Carnival 2001, it is my pleasure on behalf of the Government of Malaysia to extend to each and every one of you a warm welcome or selamat datang to Malaysia. I sincerely hope that you will take this opportunity to enjoy the various discounts offered during this Malaysia Mega Sale Carnival starting today until 20th September 2001.

I wish you a fruitful bargaining experience and an enjoyable stay in Malaysia.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada pihak Jawatankuasa Penganjur Majlis Pelancaran Karnival Jualan Mega Malaysia yang terdiri daripada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Kuala Lumpur & Selangor Indian Chamber of Commerce & Industry, Persatuan Peruncit Malaysia, Persatuan Rantaian Peruncit Malaysia, Persatuan Pengurusan Kompleks Malaysia, peniaga-peniaga di Jalan Tuanku Abdul Rahman dan semua pihak yang terlibat kerana telah berusaha untuk menonjolkan Jalan Tuanku Abdul Rahman yang dahulunya dikenali dengan nama Batu Road sebagai shopping street yang utama di Kuala Lumpur. Semoga usaha-usaha sebegini dapat terus dikekalkan bagi menaikkan taraf Jalan Tuanku Abdul Rahman sebagai kawasan beli belah yang sentiasa dikunjungi.

Dengan itu saya dengan sukacitanya melancarkan Karnival Jualan Mega Malaysia - Ogos 2001.

Terima kasih.